

27 April 2021

**KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT (MALAYSIA) BHD**

**PER: NASIHAT KEPADA KAKITANGAN UNTUK MENGELOKKAN DARIPADA MENGUNJUNGI TEMPAT-TEMPAT YANG SESAK DI SEPANJANG BULAN RAMADHAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua warga TeamNorthport.

Berikutan jumlah kes COVID-19 yang semakin membimbangkan di negeri Selangor, pihak Syarikat dengan ini menyeru semua kakitangan untuk mengelakkan daripada mengunjungi tempat-tempat yang sesak seperti bazar Ramadhan, majlis berbuka puasa dan pusat membeli-belah di sepanjang bulan Ramadhan.

Bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, semua kakitangan juga dinasihatkan untuk mengelakkan daripada menghadiri majlis keramaian seperti perhimpunan keluarga, aktiviti kunjung-mengunjung dan majlis rumah terbuka. Langkah-langkah ini adalah penting berikutan terdapat varian COVID-19 yang baharu dalam komuniti dengan kadar kebolehsangkitan yang lebih tinggi dan memberikan kesan yang lebih buruk kepada individu, keluarga serta Syarikat.

Pihak Syarikat juga ingin sekali lagi mengingatkan kepada semua kakitangan agar hanya keluar dari rumah sekiranya terdapat urusan kerja dan urusan yang penting sahaja. Teruskan mematuhi SOP yang telah ditetapkan seperti memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan sendiri. Ingatlah bahawa langkah-langkah ini adalah amat penting dalam melindungi diri dan keluarga daripada jangkitan COVID-19.

#kitapastimenang

Terima Kasih dan Stay Safe.

Saya Yang Menjalankan Amanah,  
**NORTHPORT (MALAYSIA) BHD**



**DATO' AZMAN SHAH BIN MOHD YUSOF**  
Ketua Pegawai Eksekutif